



UPM Kongsi Kepakaran Pertanian Dengan Penduduk Temerloh



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah mendengar taklimat mengenai produk cendawan tiram sambil diiringi oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah

TEMERLOH, 18 Julai - Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan 'Hari Terbuka Bersama Pakar Pertanian UPM di Temerloh, Pahang' selama dua hari baru-baru ini. Program tersebut merupakan aktiviti pengembangan sektor pertanian untuk memantapkan hubungan universiti, agensi dan masyarakat.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah berkata UPM telah membuat penambahbaikan keupayaan petani dan pengusaha pertanian untuk memastikan sektor pertanian melonjak ke tahap lebih cemerlang.

"Penekanan utama kini ialah untuk membangunkan budaya keusahawanan pada komuniti setempat terutamanya generasi baru.

"Komuniti perlu mempunyai ciri penting seorang usahawan yang berjaya seperti berinisiatif, mencari dan memanfaatkan peluang, ketekunan, bermotivasi dan berdisiplin terhadap kualiti kerja," katanya ketika berucap semasa majlis perasmian program di Dewan Tun Abdul Razak, Temerloh, Pahang.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata program yang dijalankan di Temerloh itu merupakan siri yang keempat dan pernah diadakan di Batu Pahat, Johor, Pekan, Pahang, dan Jeli di Kelantan.

"Lebih daripada 700 orang peserta yang dijemput khas untuk menyertai dua forum yang diadakan khusus kepada golongan petani iaitu berkaitan Potensi Pembangunan dan Pengkomersialan dalam Sektor Pertanian Terkini dan juga forum kepada pelajar sekolah dan institusi pendidikan menengah di sekitar Temerloh berkaitan Peluang Pengajian dan Kerjaya Lepas UPM.

"Program juga akan diisi dengan Bengkel Pengembangan dan Demonstrasi berkaitan ternakan, akuakultur dan tanaman serta Bengkel Industri Asas Tani untuk pemrosesan bebola ikan patin dan inovasi pemrosesan jem," katanya.

Pengarah APEEC, Prof. Dr. Azimi Hamzah berkata program dari 18 Julai hingga 19 Julai itu melibatkan interaksi antara 25 pakar pertanian UPM (penyelidik dan pensyarah pertanian) dengan petani, peruncit, nelayan dan usahawan tani daerah Temerloh bagi memberi khidmat nasihat dan perundingan untuk menaiktaraf teknologi tanaman, penternakan, perikanan dan industri asas tani.

"Masyarakat Temerloh yang terlibat dengan pertanian berpeluang mengemukakan masalah pertanian dan pendapat kepada kumpulan pakar pertanian UPM," katanya.

Beliau berkata kerjasama kepakaran ialah ternakan kerbau, lembu, ikan patin, tanaman buah-buahan khususnya nangka madu dan teknologi pemrosesan makanan.

Katanya klinik pakar UPM telah dikendalikan oleh pakar dari Fakulti Pertanian, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Kejuruteraan dan Institut Penyelidikan Produk Halal.

Klinik Pakar UPM dikendalikan oleh beberapa pensyarah dan penyelidik dalam pelbagai bidang pertanian dengan bertindak sebagai perunding dan penasihat secara terus kepada golongan petani dan penternak yang mempunyai masalah dalam pemiagaan tani mereka.

Taman Pertanian Universiti pula telah mengadakan demonstrasi teknik bakaan tanaman, penanaman cendawan tiruan kelabu dan fertigasi.

Antara aktiviti yang telah diadakan ialah forum bertajuk Potensi Pembangunan dan Pengkomersialan Sektor Pertanian Terkini, Peluang Pengajian dan Kerjaya Lepas UPM, Bengkel Industri Asas Tani, Klinik Pengembangan dan Demonstrasi dan Pameran Program Pengajian UPM.

Bengkel lain yang disediakan oleh UPM ialah Bengkel Pengembangan Pengurusan dan Pengeluaran Tanaman, Bengkel Pengembangan Pengurusan dan Penternakan, Bengkel Pengembangan Industri Hiliran dan Produk Halal dan Bengkel Pengembangan Pengurusan dan Pengeluaran Akuakultur.

Selain itu, terdapat juga pameran dari Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Pameran Inovasi dan Teknologi UPM, Bahagian Akademik dan Pusat Asasi Sains Pertanian dan Taman Pertanian Universiti.

Pakar Pertanian UPM, Dr. Sheikh Awadz Abdullah yang turut terlibat berkata program tersebut memberi manfaat kerana pakar dapat meluangkan masa untuk mendengar permasalahan daripada pelanggan.

"Program ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada pakar membantu penduduk-penduduk di Temerloh untuk menyelesaikan permasalahan mereka dalam bidang pertanian yang mereka usahakan," katanya.

Timbalan Dekan Siswazah, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Prof. Dr. Jamilah Bakar telah memperkenalkan kaedah pemrosesan bebola ikan menggunakan mesin terkini.

Beliau berkata terdapat dua mesin yang digunakan untuk memproses bebola ikan, iaitu 'Bowl Cutter / Vegetable Bowl Slicer' dan 'Fish / Meatball Making Machine'. 'Bowl Cutter / Vegetable Bowl Slicer' digunakan untuk menggauli ramuan bebola ikan manakala 'Fish / Meatball Making Machine' untuk membentuk bebola selepas ramuan yang sebatu dimasukkan ke dalam mesin tersebut," katanya.

Sementara itu, penternak lembu, Aiman Firdaus Abdullah berkata perjumpaan secara terus dengan pakar pertanian memberi manfaat yang berkesan untuk membantunya memperbaiki lagi mutu dan kelemahan yang ada.

"Sebelum ini saya mendapat informasi penjagaan kualiti rumput bagi makanan lembu hanya melalui artikel yang tidak sahih tetapi selepas dapat berjumpa dengan pakar dan mendengar nasihat mereka, saya lebih berkeyakinan untuk mempraktikkan informasi mereka tanpa ragu-ragu," katanya.

Pengusaha pertanian tempatan, Mohamad Tabrani Yusop berkata rundingan beliau bersama pakar pertanian UPM membuka mindanya untuk mencuba pendekatan baru yang tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak.

"Saya yakin kaedah biologi penanaman pokok halia dan daun serai dapat melindungi tanaman dari serangga perosak dan tidak perlu menggunakan penyembur racun," katanya.



Penduduk kampung mengambil peluang untuk mendapatkan khidmat nasihat pakar pertanian UPM

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia